

TARIKH: 4/5/2023
SURAT KHABAR: BERITA HARIAN
MUKA SURAT: 15

BERITA HARIAN 4/5/2023 15

Naikkan gaji minimum imbangi kos sara hidup rakyat

Kuala Lumpur: Kadar gaji minimum di negara ini perlu ditingkatkan bagi mengimbangi antara pendapatan rakyat dengan kos sara hidup yang tinggi ketika ini, kata Pensyarah Kanan Politik Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sabah, Prof Madya Dr Firdausi Suffian.

Katanya kadar gaji minimum itu juga perlu ditingkatkan mengikut perkembangan ekonomi negara kerana pendekatan itu boleh merancakkan aktiviti ekonomi sekali gus menyumbang kepada usaha menurunkan kadar kemiskinan di negara ini.

"Ini penting, sekiranya gaji masih sama, saya khuatir kelompok M40 mahupun B40 akan tercicir dalam mendapatkan akses, kehidupan yang baik," katanya.

Mengenai iltizam kerajaan menoktahkan kadar kemiskinan tegar dalam negara pada tahun ini, Firdausi yang juga Timbalan Rektor Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Sabah, berkata beliau bersetuju dengan inisiatif kerajaan mensentralisasikan beberapa negeri yang perlu diberi fokus.

Katanya, Sabah mempunyai kadar kemiskinan tertinggi iaitu 25 peratus perlu diberi fokus dan memerlukan intervensi kerajaan bagi mengecilkan jurang pendapatan antara rakyat di negeri itu dengan penduduk di Semenanjung.

Menurut Firdausi nisbah jurang pendapatan antara rakyat Negeri di Bawah Bayu itu dengan Semenanjung semakin ketara dengan pertumbuhan gaji yang perlahan menyebabkan ribuan golongan muda Sabah berhijrah ke Semenanjung mencari pekerjaan.

"Kalau kita lihat secara nisbah, 1:4 orang Sabah itu miskin dan menjadikan peratusan pekerjaan tidak begitu berkembang seperti negeri lain.

"Kerana itu Sabah masih mempunyai fenomena 'underemployment' iaitu graduan yang mempunyai ijazah sarjana pun sanggup bekerja sebagai kerani kerana mahu mendapat kerja di Semenanjung," jelasnya.

Menyentuh mengenai isu kemiskinan tegar di negara ini, beliau yang juga Pakar Panel-panel Kementerian Belia dan Sukan berkata akses golongan itu terhadap kemudahan kesihatan, makanan seimbang dan untuk memiliki rumah sendiri juga harus diberikan perhatian.

Akses kepada keperluan asas turut perlu dijadikan panduan dalam penilaian dan menentukan taraf sosioekonomi rakyat di negara ini dan bukannya berdasarkan pendapatan semata-mata.

BERNAMA